



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“KEPIMPINAN RASULULLAH SAW; TELADAN SEPANJANG ZAMAN”

22 Oktober 2021 / 15 Rabiul Awwal 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِلِ:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

(Surah Al-Ahzab 21)²

كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) bagi akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah sebanyak-banyaknya (pada waktu susah dan senang).

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ⁴ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kehidupan kita diberkati oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “KEPIMPINAN RASULULLAH SAW; TELADAN SEPANJANG ZAMAN”.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Berbicara soal kepimpinan, tidak ada satu tokoh pun di dunia ini yang mampu menandingi kepimpinan Rasulullah SAW. Kita mungkin boleh menyenaraikan beberapa tokoh pemimpin dunia yang sepanjang hidupnya berbakti memimpin masyarakat, akan tetapi kepimpinan Rasulullah SAW itu, lebih unggul melebihi segenap aspek kehidupan malah seluruh alam ini

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



turut merasai kewibawaannya. Allah SWT berfirman: “Dan tidaklah kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan menjadi rahmat bagi seluruh alam” (Surah al-Anbiya’: 107).

Sidang Hadirin yang dimulikan,

Keunggulan kepimpinan Baginda SAW berjaya dibuktikan dengan lahirnya sebuah tamadun Islam yang begitu hebat dalam sejarah. Bermula dari negeri tandus yang berpasir dan berbukit bukau namun ia sesudahnya berubah menjadi pusat pentadbiran yang pernah memimpin 2/3 dunia Islam dengan kepimpinan berkaliber hasil gagasan Baginda SAW.

Seorang penulis barat bernama Michael H Hart, melalui karyanya “100 Tokoh Paling Berpengaruh Di Dunia” telah menobatkan Baginda SAW sebagai manusia nombor 1 paling berpengaruh dalam sejarah dunia sekali gus menjadi pemimpin agung sepanjang zaman. Pengiktirafan ini bukan sekadar dinilai dari sudut keberjayaan Baginda membuka sebuah empayar malah lebih dari itu pembangunan modal insan turut mendapat pemerhatian penulis.

Untuk itu, buat mereka yang ingin mencari sumber kehidupan yang baik serta ingin mencorakkan kehidupan berprestij tinggi, haruslah menjadikan kehidupan Rasulullah SAW sebagai ikutan seperti mana firman Allah SWT yang khatib bacakan pada awal khutbah tadi.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Ketahuiilah, kehidupan Baginda SAW memiliki cakupan yang begitu luas dalam aspek kepimpinan yang boleh diteladani oleh semua lapisan masyarakat. Sekiranya anda seorang anak muda, remaja, suami, ayah, rakan, pemimpin organisasi atau pemimpin negara sekalipun, anda berpeluang menjadi watak-watak tersebut dengan karakter dan peribadi yang hebat sekiranya anda menelusuri serta mencontohi keperibadian Baginda SAW sewaktu menjalani watak-watak berikut dalam episod sirahnya. Oleh itu, khatib ingin mengajak sidang jumaat sekalian serta diri ini, agar mencontohi kepimpinan Baginda SAW melalui EMPAT aspek kepimpinan:

PERTAMA MEMIMPIN DIRI GAYA RASULULLAH.

Sebelum bercita-cita memimpin orang lain, seharusnya kita terlebih dahulu memimpin diri sendiri, kerana orang yang gagal memimpin dirinya nescaya dia juga tidak mampu memimpin yang lain. Rasulullah SAW memimpin dirinya dengan membersihkan hati kerana hati umpama raja yang sekiranya ia baik maka baiklah seluruh anggota badan. Betapa ramai manusia yang mengabaikan serta gagal memahami soal kepentingan pembersihan hati lalu



akhirnya setiap tindakan yang dilakukan terselit padanya penyakit hati yang memberikan implikasi negatif. Selain itu, ilmu juga berperanan sebagai penyuluh yang menerangi kehidupan. Baginda SAW mempersiapkan diri dengan menuntut ilmu dengan Jibrail AS seperti firman Allah SWT (Surah an-Najm: 5).

عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَى

Maksudnya: Wahyu itu (disampaikan) diajarkan kepadanya oleh (Jibrail) yang amat gagah kuat.

KEDUA MEMIMPIN KELUARGA GAYA RASULULLAH

Kepimpinan kekeluargaan yang ditunjukkan oleh Baginda SAW boleh dicontohi oleh seorang ayah ataupun suami. Umum mengetahui bahawa Baginda SAW merupakan sebaik-baik contoh di dalam melayani keluarganya. Sebuah hadith Riwayat Imam at-Tirmidzi dalam Sunannya bahawa Nabi SAW bersabda “Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap isterinya dan aku adalah yang paling baik terhadap isteri ku”.

Antara layanan baik yang dimaksudkan di sini ialah, menzahirkan perasaan cinta dan kasih sesama pasangan. Seorang suami haruslah menunjukkan kasihnya terhadap isteri sama ada dari percakapan mahupun perbuatan. Selain tidak berkasar apatah lagi memukul isteri, Baginda juga memimpin ahli keluarganya dengan syariat agama dan membantu para isterinya melakukan pekerjaan rumah tangga. Sekiranya ada di kalangan kita yang beranggapan bahawa membantu isteri di rumah itu menjatuhkan maruah maka sedarlah bahawa keegoan kita sebenarnya yang perlu dilunturkan. Ambillah peluang untuk bermesra dengan isteri dengan memberikan hadiah kepadanya, mengucapkan terima kasih, memohon maaf sekiranya tersalah dan mendidik anak-anak bersama.

KETIGA MEMIMPIN ORGANISASI GAYA RASULULLAH

Memimpin sesebuah organisasi bukan perkara yang mudah, kerana pemimpin perlu sentiasa berperanan sebagai pelindung dalam mendepani segala kemungkinan cabaran dan krisis yang bakal tiba. Baginda SAW menyifatkan pemimpin sebagai perisai, sepertimana hadith Riwayat Imam Muslim di dalam Sahihnya bahawa Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya seorang imam (penguasa) itu (bagaikan) perisai kepada orang-orang yang berperang di belakangnya dan juga berlindung dengannya”.

Dapat kita fahami bahawa seorang ketua haruslah memiliki kekuatan fizikal dan ketabahan yang tinggi. Ini kerana ketua berkemungkinan orang pertama yang menerima kesusahan terlebih dahulu selain bersedia mengorbankan diri demi melindungi orang



bawahan. Hal ini dibuktikan melalui peranan Baginda SAW yang turut menyertai peperangan melawan musuh yang mengakibatkan kecederaan dan kesakitan. Ini menunjukkan bahawa seorang ketua tidak patut hanya berpeluk tubuh dan membiarkan orang bawahannya berjuang sendirian sebaliknya ketua perlu menjadi orang paling hadapan dan sensitif dalam hal ehwal ahlinya.

KEEMPAT MEMIMPIN MASYARAKAT GAYA RASULULLAH

Menjadi pemimpin masyarakat perlu didasari dengan keupayaan yang holistik melibatkan soal kemampuan tubuh badan, ilmu pengetahuan, sikap warak, amanah dan takwa. Kegagalan dalam memikul amanah kelak mengakibatkan penyesalan yang besar pada hari akhirat. Baginda SAW memberi amaran bahawa jawatan adalah amanah yang tidak patut dibangga-banggakan sebaliknya ia perlu diterajui oleh orang yang benar-benar mempunyai autoriti.

Hadith Riwayat Imam Muslim dalam Sahihnya bahawa Nabi SAW bersabda: “Wahai Abu Dzar, sesungguhnya engkau seorang yang lemah dan kepimpinan itu adalah amanah, dan nanti pada hari kiamat ia menjadi kehinaan dan penyesalan kecuali orang yang mengambil dengan haknya dan menunaikan apa yang seharusnya ia tunaikan dalam kepimpinan”. Hal ini mengajarkan bahawa pentingnya melantik pemimpin yang betul agar prinsip keadilan dapat dijulung setinggi-tinggi

Demikianlah secebis dari contoh-contoh tauladan Baginda SAW dalam aspek kepimpinan yang boleh kita teladani dalam kehidupan seharian. Baginda yang diutus sebagai Rasul terakhir telah pun menunjukkan contoh kepimpinan menjadi teladan sepanjang zaman.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Amat mendukacitakan Nabi SAW kini tidak lagi mendapat tempat sebagai ikon. Menjadi tanggung jawab kita untuk memastikan agar anak-anak kita sentiasa memiliki keterujaan terhadap Baginda SAW serta menjadikan Baginda sebagai contoh ikutan dalam kehidupan. Anak-anak mencerminkan tarbiah kita. Sekiranya mereka tidak melihat Baginda SAW sebagai contoh ikutan, ia bermakna kitalah yang kurang memberikan pendedahan. Pepatah Melayu mengatakan “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Muslimin yang dimuliakan,

Mimbar menyeru para jemaah agar istiqamah berpegang teguh kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in, hingga ke hari ini.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ
الْكُورُونَا، وَالْعَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن
سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾